

BAB KEEMPAT

BAB KEEMPAT

LAPORAN PENYELIDIKAN DAN PENAFSIRAN DATA

A. Sejarah pembentukan Islamic Outreach ABIM.

Islamic Outreach ABIM merupakan suatu program yang dibentuk oleh ABIM pusing di bawah kelolaan Biro Tugas-tugas khas. Pimpinan ABIM memang sejak dulu lagi telah menyedari akan pentingnya da'wah terhadap golongan bukan Islam dan saudara baru. Oleh itu di dalam Muktamar ABIM yang ke 12 telah memutuskan bahawa satu biro yang dinamakan Biro tugas-tugas khas mestilah dibentuk bagi menjalankan fungsi ini ke arah menda'wahkan golongan-golongan ini. Biro ini telah dibentuk pada tahun 1985 yang dipengerusikan oleh saudara Dr. Zaini Hamzah yang mana beliau merupakan salah seorang yang mengilhamkan pembentukan Islamic Outreach ini.¹

Program ini bukan sahaja menggabungkan tenaga dalaman sahaja malahan ianya telah menarik tenaga dari luar untuk menyertai usaha yang murni ini iaitu dari mereka yang aktif dalam Muslim Converts Association of Darul Arqam Singapore iaitu Encik Aziz Azimullah dan Encik Abu Bakar. Kehadiran kedua-dua mereka bukan sahaja dapat melicin usaha ini malahan dapat mencurahkan pengalaman-pengalaman yang bernilai dari kejayaan yang dicapai oleh Muslim Converts Association yang mana telah dapat mengislamkan puratanya seramai 400 orang setiap

¹ Temubual dengan Dr. Zaini Hamzah, Pengurus Islamic Outreach ABIM, Jumaat 22hb. September 1989 pada 2 - 3.30 Petang.

un. Maka pada 26 Oktober 1986, program Outreach telah memulakan u-
tama bertempat di Ibu Pejabat Himpunan Belia-belia Islam sedunia
Ampang Kilir 2, Ampang Kuala Lumpur.¹

a. Objektif pembentukan Islamic Outreach ABIM.

Objektif utama pembentukan Islamic Outreach ABIM adalah ur-
ruk :-

- a. Menyampaikan Islam kepada masyarakat bukan Islam menurut perspektifnya yang sebenar.
- b. Memberikan bimbingan yang secukupnya kepada saudara baru yang sangat-sangat memerlukan bimbingan ini. Di masa yang sama juga cuba untuk membina serta memupuk semangat ukhuwah di kalangan mereka.²

c. Struktur Organisasi.

Untuk melaksanakan dan menjayakan bermacam-macam aktiviti yang dirancangkan Islamic Outreach telah membentuk suatu jawatankuasa atau dinamakan Task Group. (lihat lampiran 3)

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Dr. Zaini Hamzah dan Na-
Pengerusinya ialah Encik Abdul Aziz Azimullah. Kumpulan-kumpulan

¹Ibid.

²Dr. Zaini Hamzah, Kertas Seminar kesedaran wali Islam untuk
berdu wali kepada masyarakat belum Islam di Malaysia pada 21 Ogos 1986
di Institut Islam, Kuala Lumpur.

Petugas ini diberikan kepada beberapa unit seperti berikut :-

- a. Pendidikan
- b. Perbandingan agama
- c. Kursus Koresponden
- d. Siswa-siswi
- e. Kebajikan
- f. Kebajikan wanita
- g. Perhubungan luar
- h. Perkembangan kanak-kanak
- i. Penerbitan
- j. Perpustakaan
- k. Audio dan video
- l. Mengumpul tabung.

Setiap unit-unit di atas dilantik seorang ketua yang akan ber¹
tanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancangkan. Namun
begitu setiap pelaksanaan program yang dirancangkan mestilah dilaksa-
nakan bersama-sama oleh Kumpulan-kumpulan Petugas Islamic Outreach i-
ni.

D. Pendekatan da^cwah terhadap nor. muslim dan saudara baru.

1. Usaha memperkenalkan Islamic Outreach.

Dalam usaha menda^cwahkan golongan bukan Islam dan saudara ba-
ru ini Pihak Outreach telah membuat pelbagai usaha dalam memperkenal-
kan programnya.

Pihak Outreach telah mengadakan iklan-iklan di surat khabar
yang berbahasa Inggeris seperti New Straits Times, The Malay Mail
dan The Star. Di dalam iklan-iklan ini menerangkan mengenai aktiviti

¹ Temubual dengan Dr. Zaini Hamzah, op. cit.

aktiviti yang dijalankan oleh Outreach ini. Usaha ini nampaknya beraya juga kerana dalam masa sebulan Pejabat Outreach menerima purata surat sebanyak 50 pucuk. Mereka memohon supaya dihantarkan maklumat-maklumat mengenai Islam kepada mereka. Dari 50 surat ini 40% darinya adalah dari kalangan bukan Islam, manakala selebihnya adalah dari kalangan saudara baru dan orang Islam sendiri.

Di samping iklan-iklan tadi pihak Outreach juga mengadakan publisiti menerusi risalah kecil 'Welcome to Islamic Outreach' dan mengedar buku-buku yang berbentuk Islam secara percuma kepada mereka yang berkenaan. 'Setakat ini risalah-risalah kecil yang telah diberikan percuma kepada mereka ialah seperti berikut :-

- a. Islam at a glance
- b. Concept of worship in Islam
- c. Concept of God in Islam
- d. Propethood in Islam
- e. Moral system of Islam
- f. Life after death
- g. Human rights in Islam
- h. What they say about Islam
- i. What they say about The Quran
- j. What they say about Muhammad

Manakala buku-buku yang diberikan percuma pula ialah :-

- a. Light of revelation
- b. Islam our choice.

c. Pearls of The Prophet

d. Quran and modern science

e. Essence of Islam

Di samping itu Islamic Outreach juga melancarkan kempen ke sura-sura di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta. Ini adalah bertujuan untuk mendorong orang Islam supaya menyampaikan Islam kepada rakan-rakan mereka yang tidak beragama Islam.

Selain itu Pihak Outreach juga telah mengadakan 'public talk' atau ucapan umum yang diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Pen^{der}amah yang diundang khas adalah dari luar negara. Public Talk yang pertama telah diadakan di Putra World Trade Centre iaitu oleh Steve Johnson dari Amerika Syarikat. Yang keduanya ialah di dewan muktamar Pusat Islam oleh Dr. Jamal Badawi dari Kanada dan yang ketiga ialah Dr. Malik Khattab dari Amerika Syarikat yang bertempat di dewan MCA Ampang. Sebelum diadakan program ini Pihak Outreach mengadakan iklan iklan dan poster untuk menjemput golongan non muslim dan saudara baru juga orang Islam sendiri untuk menghadiri program ini. Program ini nampaknya mendapat sambutan yang baik dari mereka.

Kegiatan Islamic Outreach ini juga telah ditayangkan oleh TV3 iaitu dalam Rancangan Nona. Tayangan ini telah dapat memperkenalkan Islamic Outreach bukan sahaja di sekitar Kuala Lumpur malahan di seluruh Malaysia. Ia juga telah dapat menambahkan jumlah kehadiran dalam program yang dijalankan oleh Outreach dari mana ke semasa terutamanya dalam hari Aidil.

c. Pearls of The Prophet

d. Quran and modern science

e. Essence of Islam

Di samping itu Islamic Outreach juga melancarkan kempen ke surau-surau di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta. Ini adalah bertujuan untuk mendorong orang Islam supaya menyampaikan Islam kepada rekan-rekan mereka yang tidak beragama Islam.

Selain itu Pihak Outreach juga telah mengadakan 'public talk' atau ucapan umum yang diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Penasrah yang diundang khas adalah dari luar negara. Public Talk yang pertama telah diadakan di Putra World Trade Centre iaitu oleh Steve Johnson dari Amerika Syarikat. Yang keduaanya ialah di dewan muktamar Pusat Islam oleh Dr. Jamal Badawi dari Kanada dan yang ketiga ialah Dr. Malik Khatot dari Amerika Syarikat yang bertempat di dewan MCA Ampang. Sebelum diadakan program ini Pihak Outreach mengadakan iklan iklan dan poster untuk menjemput golongan non muslim dan saudara baru juga orang Islam sendiri untuk menghadiri program ini. Program ini sempaknya mendapat sambutan yang baik dari mereka.

Kegiatan Islamic Outreach ini juga telah ditayangkan oleh TV3 iaitu dalam Rancangan Nona. Tayangan ini telah dapat memperkenalkan Islamic Outreach bukan sahaja di sekitar Kuala Lumpur malahan di seluruh Malaysia. Ia juga telah dapat menambahkan jumlah kehadiran dalam program yang dijalankan oleh Outreach dari masa ke semasa terutamanya program Hari Alad.

Pihak Outreach juga tidak ketinggalan dalam memperkenalkan aktiviti-aktivitinya kepada pelajar-pelajar Universiti. Dan baru-baru ini Pihak Outreach telah membuat pamiran tentang kegiatan-kegiatannya semasa majlis konvokesyen di Universiti Malaya. Ternyata siswa-siswi bukuk yang berugama Islam mahupun yang bukan Islam tidak menyedari program ini. Semasa pamiran ini Pihak Outreach di samping menayangkan video kepada mereka juga telah cuba menjawab persoalan-persoalan yang diajukan kepada mereka.¹

Setelah menghuraikan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Pihak Outreach dalam memperkenalkan aktiviti-aktivitinya kepada umum maka penulis akan menghuraikan pula aktiviti lain yang dijalankan oleh mereka seperti Program Hari Ahad(Sunday Programme).

2.1 Sunday Programme.

Sunday Programme merupakan salah satu aktiviti Outreach yang paling penting ke arah membimbing dan memberikan ilmu Islam kepada kaum baru dan non muslim. Di dalam program ini terdapat beberapa kelas pengajian yang telah di sediakan. Kelas-kelas pengajian adalah seperoi berikut :-

- a. Kelas pengenalan.
- b. Kelas asas.
- c. Kelas Pertengahan.
- d. Kelas perbandingan agama.
- e. Kelas muqaddam.

f. Kelas Bahasa Arab.

.. Siri ceramah bulanan.

a. Kelas pengenalan.

Setiap mereka yang menghadirkan diri buat pertama kali ini di Islamic Outreach akan diberikan barang untuk dipenuhi oleh mereka. Barang ini adalah bertujuan untuk mengetahui latarbelakang mereka dan apakah tujuan mereka menghadirkan diri ke Islamic Outreach ini. (lihat lampiran 4).

Selepas itu mereka akan dibawa masuk ke sebuah bilik dan di dalamnya terdapat beberapa orang petugas dari Islamic Outreach yang akan mengendalikan kelas ini. Mereka akan diterangkan tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan, tujuan dan pendekatan yang diambil.

Tayangan slide tentang kegiatan Islamic Outreach akan ditayangkan untuk mereka yang hadir dalam kelas pengenalan ini. Mereka yang hadir dalam kelas pengenalan ini adalah terdiri dari golongan non muslim, saudara baru dan orang Islam sendiri.

Diluar samping itu ditimbulkan juga persoalan yang berkaitan dengan agama sebagai jalan ke arah memikirkan apakah kebenaran (realiti) dan berasalannya mencarinya. Jadi persoalan seperti apakah fungsi hidupan kita di dunia ini, apakah tuhan itu benar wujud, siapakah dia dan apakah hutungannya dengan manusia. Yang menjadi matlamat Islamic Outreach ialah untuk mencetuskan persoalan ini di kepala atau pikiran mereka supaya apabila mereka meninggalkan bilik kuliah ter-

· · · · · but, perkara yang dibincangkan ini akan terus bermula di fikiran mereka. Sekalipun mereka tidak terus menerima tetapi akan terus mengingat mereka untuk mencari kebenaran tersebut. Ada di antara non-muslim yang menghadirkan diri terus yakin kepada agama Islam dan terus menghadiri agama itu selepas kelas ini selesai.

b. Kelas asas.

Bagi mereka yang sudah memilih untuk terus menghadiri aktiviti Islamic Outreach ini, mereka akan dimasukkan ke kelas asas yang diadakan sebanyak 25 minggu. Ada juga yang memerlukan kaunseling sepanjangnya sebelum mereka memasuki kelas ini, dan kaurselor di sini sentiasa beredia untuk melayaninya.

Kelas asas ini memuatkan tajuk-tajuk dari aspek fardhu 'ain, aqidah, renungan dari ayat-ayat Al-Quran dan perdedahan terhadap persoalan-persoalan yang biasa ditanya atau dihadapi oleh saudara baru dan bukan Islam.

Penekanan dari aspek ketuhanan amat dititikberatkan. Perkara ini adalah perkara pokok kerana kita menyedari bahawa shahadah adalah perbedaan di antara muslim dan kafir. Judi soal keadaan Allah inilah diberikan penekanan yang penting. Di sinilah letaknya perbedaan di antara penganut Islam dengan penganut Kristian yang menggalakkan konsep trinity, dan Hindu serta Budha yang membawa konsep perantara dengan Tuhan dan juga free thinker yang tidak percaya langsung dengan wujudnya Tuhan.

Aspek fardhu 'ain pula adalah mendedahkan mereka kepada ibadah khusus di dalam Islam. Pendedahan ini dibuat dalam konteks yang memudahkan mereka untuk mengikuti dan mengamalkannya. Sebagai contoh dalam sembahyang, pada peringkat ini mereka hanya diperkenalkan kepada perkara yang wajib sahaja iaitu rukun 13. Adalah tidak mudah bagi mereka untuk menerima sekaligus sebagaimana yang kita praktikkan. Maka di peringkat pertengahan pula mereka akan didedahkan pula kepada perkara-perkara yang sunat.

Renungan kepada ayat-ayat Al-Quran terutamanya tentang ciptaan Allah dan juga kebesaran Allah adalah penting untuk merangsang pemikiran mereka supaya memikirkan sendiri hakikat kewujudan alam ini termasuk dirinya.

Persoalan-persoalan biasa yang sering ditimbulkan di kalangan umudara baru ialah seperti mengapa orang Islam tidak boleh makan daging babi, pengharuman arak, masalah pakaian, masalah masuk Melayu, masalah mazhab, poligami dan tanyak lagi persoalan lain yang memerlukan jawapan yang konkret yang dapat meyakinkan mereka. Kita hendaklah mengemukakan jawapan yang dapat menggambarkan keunggulan Islam, bukan jawapan yang amar-samar atau cubu lari dari persoalan yang dihadapkan.

Di dalam keles asas ini juga dikemukakan aspek praktikal dari ibadah khusus. Sebagai contoh setiap 15 minit yang terakhir ditunjuk bagi ajarnan cara mengambil wudu', menunaikan sembahyang fardhu subuh,

zohor, asar, maghrib dan isyak. Demontrasi ini adalah penting untuk memberikan kefahaman yang lebih baik kepada mereka serta keberkesanannya yang tinggi kerana pengajaran bentuk begitu sudah terbukti memberikan makna yang jelas. Untuk membantu lagi, setiap minggu diadakan sebuah yang berjemaah zohor di Islamic Outreach bagi menggalakkan mereka mempraktikkan apa yang mereka pelajari.

c. Kelas pertengahan.

Kelas ini adalah untuk menampung mereka yang telah tamat kelas asas dan mereka yang sudah mempunyai asas pengetahuan agama Islam. Dari segi isi penyampaian ia ada lebih mendalam jika dibandingkan dengan kelas asas. Di sini juga dibincangkan aspek-aspek seperti tawuf dan sebagainya.

d. Kelas perbandingan agama.

Kelas perbandingan agama ini baru sahaja dimulakan iaitu di akhir 1989. Ia bukanlah bertujuan membandingkan Islam dengan agama-agama lain yang boleh meletakkan taraf Islam sama dengan agama-agama lain. Tetapi pendekatan yang diambil ialah melihat Islam daripada cabarannya. Setakat ini kelas ini dikendalikan oleh saudara Ayob Alias.

e. Kelas muqaddam.

Kelas ini dilajangkan dalam kumpulan-kumpulan yang kecil, mengandungkan latar belakang yang berbeza, sesuai dengan kemampuan peserta tersebut. Setakat ini ada empat kelas muqaddam berjalan serentak setiap minggu, yang dijadualkan selepas tamatnya kelas asas.

f. Kelas Bahasa Arab.

Kelas Bahasa Arab pula dibuka atas desakan peserta yang ingin tahu bahasa tersebut. Kelas ini bermula pada pulak 10 pagi. Setiap guru yang berkelayakan mengajar bahasa ini. Berbeza dengan kelas-kelas lain, kelas ini tidak menggunakan Bahasa Inggeris, tetapi menggunakan Bahasa Malaysia dan Arab. Mereka diajar cara-cara berbagai dalam Bahasa Arab dan nantu yang mudah.

g. Ceramah bulanan.

Pihak Outreach juga di kamping mengadakan kelas-kelas seperti yang disebutkan di atas juga mengadakan siri ceramah bulanan ia itu dengan mengundang penceramah-penceramah luar seperti Prof. Kamal Hassan dari Universiti Islam Antarabangsa, Fadlullah Wilmot dari Yayasan Da'wah Islamicah dan sebaginya. Ceramah-ceramah seperti ini nampaknya memberi kesan kepada bilangan kehadiran peserta-peserta ke Sunday Programme ini.

2.2 Letarbelakang peserta ke Sunday Programme.

Setelah penulis mengemukakan kelas-kelas yang diadakan pada hari Ahad, maka penulis akan menaraskan pula keadaan peserta-peserta yang hadir ke kelas ini.

Dari analisa melalui responden-responden, penulis mendapati

¹Temuhan dengan Encik Ayob Bin Alias, Pengarah Sunday Programme, Dpt Pejabat Islamic Outreach pada 12h^o Julai 1989, 11.30-1.30 petang.

bilangan peserta-peserta ini adalah terdiri dari berbagai-bagai bangsa dan suku bangsa Eropah, Cina, India dan sebagainya. Dari sudut pengetahuan-tahap pendidikan mereka juga berbeza-beza. Ada di antara mereka yang memperolehi kelulutan yang tinggi sehingga Phd dan ada pula yang notakat derjah 6 ataupun S.P. Dari sudut pengisianan mereka pun, ada di antara mereka yang masih baru memeluk agama Islam dan ada pula di antara mereka yang sudah lama memeluk agama ini.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh saudara baru pula berbeza-beza di antara satu sama lain. Jadual 1 di bawah menunjukkan masing-masing masalah yang dihadapi oleh saudara baru di Islamic Outreach ini.

JADUAL 1

	Bil. Responden	Peratus
1. Masalah dengan keluarga dan sanak saudara.	14	44
2. Masalah mempelajari Al-Quran dan Fardhu 'ain	8	26
3. Masalah dengan masyarakat	6	19
4. Masalah dengan pekerjaan	2	6
5. Masalah dengan kawan	2	6
JUMLAH	32	100

Berdasarkan jadual di atas kita dapati masalah-masalah yang dihadapi oleh setiap saudara baru adalah berbeza. Ada di antara mereka yang menghadapi masalah dengan keluarga atau saudara tiri, ada juga yang menghadapi masalah dengan pekerjaan dan sebagainya.

Dari jadual di atas masalah yang paling banyak dihadapi oleh saudara baru ialah masalah dengan keluarga iaitu sebanyak 44%. Selanjutnya keseluruhan masalah yang dihadapi. Masalah dengan keluarga seperti dimarahi dan cihaleu oleh ibu bapa iaitu setelah mengikuti pengisianan anak mereka. Ada di antara ibu bapa yang tidak lagi mengakui sebagai anaknya. Hal ini lebih banyak terjadi di kalangan saudara baru yang berbangsa Cina dan India. Ini adalah kerana ibu bapanya mereka beranggapan bahawa masuk Islam adalah masuk Melayu dan pengislaman anak mereka merupakan suatu penghinaan bagi bangsa mereka.

Saudara baru juga menghadapi masalah dengan sanak saudara mereka. Ada di antara mereka yang berpihak kepada kedua ibu bapa saudara baru itu dan memusuhi mereka dalam pergaulan seharian. Mereka akan cuma bergaul seperti biasa dengan syarat saudara baru itu kembali kepada agama mereka yang asal. Apa yang lebih menghairkan semula pula ialah apabila ada di antara anak mereka yang memeluk agama Kristian tidak pula mereka merasa marah sebaliknya menyambut dengan baik cadangan anak mereka. Kedua-dua ini berbeza pula dengan saudara baru yang berbangsa Empah atau Inggeris. Mereka bebas untuk mengamalkan agama apa pun sahaja. Ini adalah kerana itu kalaupun mereka beranggapan bahawa soal agama adalah suatu soal yang teramat peribadi. Makanya kita dapatti saudara baru yang berbangsa Inggeris ini rata-ratanya tidak menghadapi masalah dengan keluarga dan sanak saudara mereka.

Terdapat juga di antara saudara baru yang menghadapi masalah

terpaksa bercerai dengan anak serta isteri tercinta. Hal ini terjadi walaupun disebabkan cuma satu pihak sahaja yang ingin memeluk agama ini sedangkan di pihak yang lain pula enggan untuk menyertai pengisian umat mereka. Terdapat juga kes di mana isteri sahaja yang ingin memeluk agama Islam sedangkan di pihak suami pula enggan memeluk agama ini. Sebagai jalan penyelesaiannya, maka si isteri tadi tidak mempunyai pilihan lain kecuali terpaksa meninggalkan suaminya yang diingintanya itu. Sekiranya si isteri tadi yang memeluk agama Islam tidak mempunyai sebarang pekerjaan, keadaan akan menjadi bertambah rumit. Tentunya sukar untuk membesarakan anak-anak dan menyekolahkan mereka. Ada juga si suami Muslim yang berkahwin dengan saudara baru mengabaikan tanggungjawabnya dan mencari wanita lain sebagai isterinya. Keadaan ini menyebabkan saudara baru (isteri) tadi merasa amut terseksa dan serta salah. Sudahlah keluarga dan sanak saudara mencaciinya kerana memeluk agama Islam, selepas itu suami yang telah dikahwiniinya dan mengislemkan dirinya pula menghancurkan harapannya pula.

Manakala masalah saudara baru yang lain ialah terhadap masyarakat sekeliling mereka. Jika diteliti dari peratusannya ialah seratakan 19%. Jika masyarakat yang sebangsa dengannya akan memulaukannya contohnya sekiranya saudara baru itu berbangsa Cina, maka masyarakat sekelilingnya yang sebangsa dengannya akan memulaukannya. Manakala sekiranya jiran sekelilingnya yang beragama Islam pula menunjukkan rasa kurang senang untuk bergaul dengannya. Keadaan-keadaan seperti inilah turut merupakan suatu masalah berat yang terpaksa dihadapi oleh seseorang saudara baru.

Saudara baru juga terpaksa menghadapi masalah dalam mempelajari Islam terutamanya Fardhu 'ain seperti sembahyang, membaca Al-Qur'an dan sebagainya. Ini adalah kerana suami-suami mereka walaupun telah menjadi muslim sejak lahirnya sendiri tidak mengajar mereka, malah tidak melaksanakan suruhan-suruhan Islam. Oleh itu saudara baru amat mengharapkan agar ada orang yang akan dapat mengajar mereka cara-cara berwuduk dan sebagainya.

Di samping masalah-masalah yang telah disebutkan di atas saudara baru juga terpaksa menghadapi masalah dengan pekerjaan mereka. Ada di antara saudara baru terpaksa meninggalkan pekerjaannya yang bertentangan dengan Islam seperti menjadi pelayan bar, penjaga loteri dan sebagainya. Terdapat juga majikan-majikan yang tidak suka pekerjaannya beragama Islam. Apabila majikan tersebut mengetahui tentang pengislaman pekerjaanya, beliau akan terus membuang pekerja tadi tanpa ada sebarang perasaan simpati. Ada juga di kalangan majikan yang tidak menghiraukan agama apa yang dianuti oleh pekerjaanya tetapi tidak memberikan sebarang kelonggaran seperti tidak memberikan waktu untuk menunaikan sembahyang. Walaupun bagaimanapun masalah ini jarang dihadapi oleh saudara baru dan sekiranya dilihat dari sudut peratusanya hanya 2% dari jumlah keseluruhannya.

Mungkin masalah dengan kawan-pula ialah seperti kehilangan rakan-rakan yang tidak beragama Islam. Walaubagaimanapun keadaan ini jarang terjadi di kalangan saudara baru iaitu cuma 2% dari jumlah keseluruhannya.

Setelah penulis mengemukakan masalah-masalah yang terpaksa dihadapi oleh saudara baru di Islamic Outreach ini, maka penulis akan menganalisa pula sebab-sebab yang mendorong seseorang saudara baru untuk memeluk agama Islam ini. Jadual 2 di bawah akan menerangkan keadaan-keadaan ini.

JADUAL 2

	Bil. Responden	Peratus
1. Perkahwinan	18	34
2. Kawan	18	34
3. Pembacaan	8	16
4. Kajian	2	3
5. Tertarik dengan Islam dan sikap pengikutnya.	7	13
JUMLAH	53	100

Berdasarkan jadual 2 di atas kita dapatkan sebab-sebab yang mendorong pengislamahan saudara baru banyak bergantung atas sebab perkahwinan. Perkahwinan ini sama ada yang terjadi di antara lelaki Islam dengan wanita asing ataupun di antara wanita Islam dengan lelaki asing. Faktor ini adalah sebanyak 18% dari keseluruhan faktor pengislamahan mereka.

Walaubagaimanapun faktor kawan juga sama dengan faktor perkahwinan iaitu mewakili 18% dari jumlah keseluruhannya. Sikap kawan Islam seperti mempunya akhlak yang baik banyak mempengaruhi saudara baru untuk lebih mahu mengenali agama Islam ini. Ada juga kawan

68
kawan Islam yang meminjamkan buku-buku yang berbentuk agama kepada kawan-kawannya yang bukan Islam. Cara seperti ini juga memberi kesan yang baik kepada non muslim untuk mengenali apakah yang dikatakan agama Islam itu dan seterusnya InayaAllah memeluk agama yang suci ini.

Faktor ketiga yang banyak mempengaruhi non muslim untuk memeluk agama Islam ialah dari sudut pembacaan buku-buku yang berkaitan dengan Islam. Faktor ini mempengaruhi sebanyak 8% dari jumlah keseluruhannya. Melalui pembacaan inilah mereka sedar bahawa Islam adalah agama yang paling ideal untuk dianuti kerana mereka tidak mendapati sebelumnya dari mana-mana agama yang mempunyai undang-undang dan peraturan-peraturan seperti agama Islam yang dapat menjamin kesejahteraan hidup mereka di dunia ini.

Terdapat juga saudara baru yang memeluk agama Islam berdasarkan pengamatan mereka kepada sikap umat Islam yang memuliakan agama mereka dan mengakui bahawa mereka menganut agama ini, sedangkan keadaan ini sukar didapati daripada penganut agama lain terutamanya penganut-penganut agama Kristian. Mereka langsung tidak mahu mengakui bahawa mereka adalah penganut agama ini malahan mempersendakan pula agama yang telah diwarisi dari ibu bapa mereka. Sikap umat Islam yang seperti inilah yang menarik mereka untuk mengkaji Islam seterusnya menjadi penganut Islam yang sejati.

Menurut data di atas pengislaman saudara baru melalui kajian sekali pun sebanyak 2% sahaja. Saudara baru seperti ini kebanyakkannya

mempunyai kelulusan yang tinggi dan juga merupakan ahli saing. Setelah mereka mengkaji, mereka menyedari bahawa alam sejagat yang indah ini pasti mempunyai penciptanya Yang Maha Agong. Begitu juga pengkajian mereka terhadap kitab suci Al-Quran. Mereka mendapat apa yang dicoritakan di dalam Al-Quran sama dengan apa yang mereka kaji. Keagungan mereka terhadap apa yang terkandung di dalam kitab suci Al-Quran ini telah menarik minat mereka seterusnya membawa kepada pengalaman mereka.

Setelah penulis memaparkan sebab-sebab yang mendorong saudara baru untuk memeluk agama Islam, maka penulis meneliti pula sejauh manakah pandangan peserta-peserta ke Sunday Programme terhadap kelas-kelas yang diadakan. Jadual 3 di bawah akan menunjukkan keadaan ini.

JADUAL 3

	Bil. Responden	Peratus
1. Sangat memuaskan	16	33
2. Sederhana	24	50
3. Kurang memuaskan	8	17
JUMLAH	48	100

Berdasarkan jadual 3 di atas, kita dapat sebahagian besar peserta-peserta ke Sunday Programme menganggap bahawa program ini hanya mencapai peringkat yang sedertana sahaja iaitu 50% dari jumlah keseluruhan peserta ini. Ini adalah kerana mereka berpendapat program ini perlu dibuat kajian lagi dan diperbaiki sistem penyampaiannya dari waktu ke semasa semoga ia juga dapat berjalan dengan baik dan dari sudut

nya sampaianya juga perlulah diubah agar pengisianya benar-benar dapat diberikan oleh para peserta Sunday Programme ini. Namakala 35% dari peserta-peserta amat berasa puas dengan ceramah-ceramah yang diberikan. Ini adalah kerana di Islamic Outreach sahaja lah mereka dapat memahami segala yang disampaikan oleh penceramah-penceramah kerana mereka menggunakan Bahasa Inggeris ketika berceramah. Mereka yang berasa puas ini adalah terdiri dari mereka yang berketurunan Inggeris dan juga dari bangsa lain yang lebih senang memahami penyampaian ceramah dalam bahasa ini.

—

Peserta-peserta yang merasakan ceramah-ceramah yang diberikan amat kurang memuaskan adalah sebanyak 17%. Ini adalah kerana penggunaan Bahasa Inggeris mereka amat lemah dan ianya juga disebabkan oleh tahap pencapaian akademik yang rendah. Mereka berharap suatu masa nanti Pihak Outreach akan dapat menyediakan penceramah-penceramah yang boleh berbahasa seperti bahasa ibunda mereka.

3. Medina House Program.

Selain dari kelas-kelas yang diadakan pada hari Ahad, pihak Outreach juga telah meng lakan program di Medina House (Rumah Medina). Medina House merupakan rumah sementara yang disediakan untuk saudara dan saudari baru yang menghadapi kesulitan tinggal bersama keluarga mereka yang bukan Islam. Ia juga menempatkan saudara dan saudari yang bukan Islam yang menghadapi masalah seperti dihalau oleh keluarga dan keluarganya. Mereka ini tidak kira sama ada saudara baru atau bukan keluarganya. Mereka ini tidak kira sama ada saudara baru atau bukan Islam akan diwajibkan mengikuti setiap aktiviti yang telah diatur oleh Islam.

Pihak Outreach ini. Dalam soal sembahyang pula mereka dikehendaki untuk menunaikannya secara berjemaah. Penghuni yang bukan Islam juga dikehendaki sama-sama menunaikan sembahyang ini. Langkah ini ditetapkan oleh Pihak Outreach adalah bertujuan semoga dengan pelaksanaan mereka yang secara terpaksa ini akan membuatkan hati mereka terbuka kepada Islam.

Jadual 4 di bawah menunjukkan kelas-kelas yang diadakan di rumah Medina.

JADUAL 4

HARI	MASA	PENCERAMAH	PERKARA
Iainin	6 Petang	Saudari Masni	Fardu Cain
Selasa	6 Petang	Saudari Norhayati	Fiqah
Khamis	8.30 mln	Saudara Faizul	Aqidah
Jumaat	6 Petang	Puan Azwan	Muqaddam

Mereka yang mendiami rumah Medina ini perlu diberi bimbingan yang berterusan agar mereka akan lebih istiqamah dalam pegangan agama yang baru mereka anuti ini.

Selain itu Pihak Outreach juga mengadakan suatu aktiviti perbincangan di antara penghuni-penghuni rumah Medina khas untuk membincangkan dan menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang mereka hadapi. Aktiviti ini diadakan pada tiap-tiap hari Sabtu pukul 6 petang. Di antara yang hadir pada waktu perbincangan ini ialah kumpulan petugas dari Islamic Outreach.

Selain dari program yang terdapat di rumah Medins , Pihak Outreach juga mengadakan kelas Tafsir yang dibimbing oleh Ustaz Zai-
nal Abidin iaitu khas untuk saudari baru dan muslimat sendiri. .Ke-
lask ini diadakan pada tiap-tiap hari Rabu pukul 5.30 petang.¹

4. Kebajikan sosial terhadap non muslim dan saudara baru.

Di dalam salah satu pendekatan yang diambil bagi tujuan ber-
wahini, Islamic Outreach menggunakan aspek kebajikan dan sosial.
Aspek ini sebenarnya telah lama digunakan oleh pihak Kristian di dalam menyebarkan ajarannya kepada bangsa-bangsa lain. Tetapi umat Islam sendiri telah jauh ketinggalan dalam mempergunakan aspek ini.

Islamic Outreach telah mewujudkan 'Buddy System' bagi tujuan 'one to one counseling' yang merupakan cara yang paling berkesan untuk merda wahkan Islam. Sebagai contoh seorang saudara baru yang menyertai Islamic Outreach akan dipasangkan dengan seorang kaunselor yang akan mengikuti perkembangan dirinya. Kaunselor ini merupakan bapa, ahong, ayah dan guru kepadaanya yang bertujuan memenuhi keperluan seseorang saudara baru tersebut. Lazimnya saudara baru ini akan menghadapi masalah dan beliau akan perlukan seseorang untuk mendukung hal.

Halfway House ataupun Rumah Medins adalah ditubuhkan untuk

¹Temuhan dengan Saudari Normati Sulaiman, Kumpulan Petugas Islamic Outreach ABIM, di Pejabat Islamic Outreach pada 17hb Disember 1999, 10 - 12 tengahari.

menampung mereka yang memerlukan tempat tinggal dalam tempoh mereka menghadapi masalah. Ada di antara saudara baru yang mempunyai masalah dengan keluarga seperti yang telah disebutkan oleh penulis sebelum ini. Mereka ini perlu diberi perlindungan yang bukan sahaja berbentuk tempat tinggal, bahkan segala bentuk pertolongan yang boleh mengurangkan bebanan yang mereka tanggung. Sekiranya pertolongan ini dapat diwujudkan, InsyaAllah saudara baru ini akan terus istiqamah terhadap pegangan agama barunya ini.

Di samping itu Pihak Outreach telah cuba sedaya upaya yang tertamtu untuk mengatasi segala jenis permasalahan yang dihadapi oleh saudara baru ini terutamanya masalah keruntuhan rumah tangga yang membawa kepada masalah-masalah lain seperti anak-anak yang perlu dibantu untuk meneruskan pelajaran mereka dan sebagainya. Pihak Outreach dalam hal ini telah membantu menyekolahkan anak-anak malang ini di sekolah-sekolah yang bersesuaian dengan mereka. Selain daripada itu Pihak Outreach juga telah mengambil inisiatif mendapatkan bantuan keuangan untuk mereka seperti memohon dari Baitulmal dan sebagainya. Setakat ini namun mereka pihak Outreach telah berjaya mendapatkan bantuan ini walaupun bantuan yang diperolehi dari jumlah yang kecil sahaja, namun kita seharusnya bersyukur di atas bantuan ini.

Masalah saudara baru yang kehilangan pekerjaan kerana majikan yang tidak mahu pekerjaanya terdiri dari orang Islam juga cuta diatasi oleh Pihak Outreach. Pihak Outreach cuba menghubungi pihak-pihak yang bertentensi yang menawarkan pekerjaan sesuai dengan kelayakan yang dimiliki.

iki oleh saudara baru itu. Setakat ini Alhamdulillah ada di antara
saudara baru itu telah mendapat pekerjaan melalui pertolongan dari Pi-
hak Outreach ini.

Di samping itu Pihak Outreach juga telah cuba untuk mendapat-
kan saudara angkat bagi saudara baru untuk menghilangkan rasa sunyi
mereka.

Pendek kata apapun permasalahan yang dihadapi oleh saudara ba-
ru, Pihak Outreach akan cuba untuk membantu mereka. Ini adalah sem-
tu-semuanya untuk menyakinkan kepada mereka bahawa Islam menggalakkan ban-
tu membantu dari segala aspek. Dan untuk mengelakkan mereka dari kem-
ali kepada agama asal mereka.¹

B. Masalah-masalah yang dihadapi oleh Islamic Outreach ABIM.

Setiap badan da'wah menghadapi masalah-masalah mereka yang
bersendiri. Masalah-masalah ini merupakan dugaan bagi setiap penda-
wati dan badan da'wah terhadap sejauh manakah iman mereka dalam memper-
ingikan syiar Islam dibumi Alat ini.

Di antara masalah tertesar yang dihadapi oleh Pihak Outreach
ialah masalah kewangan. Tanpa wang kerja-kerja da'wah ini tidak dapat
lancarkan terutamanya untuk menggerakkan program-program atau aktiviti

¹ Pertubuh dengan Puan Anisah Ferrar, Penceramah kelas asas ,
Pihak Islamic Outreach ABIM pada 8hb.Okttober 1989, 11 - 1.30 to-
murni.

aktiviti yang akan dilaksanakan oleh Pihak Outreach. Untuk mengatasi masalah ini Pihak Outreach telah memohon sumbangan dari orang perseorangan dan dari orang ramai melalui surat-surat yang diberikan di surau-surau di sekitar Kuala Lumpur. Dalam usaha mencetak pamphlet(risalah) dan buku-buku yang bercorak Islam pihak Outreach telah berjaya memperolehi sumbangan dari Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam, Malaysia. Setakat ini Pihak Outreach telah memperolehi sebanyak 100,000 ringgit dari yayasan ini. Selain dari Yayasan ini Majlis Agama Islam Negeri Sembilan juga telah menyumbangkan kewangan khas untuk mencetak risalah-risalah dan buku-buku ini.

Selain dari itu Pihak Outreach juga pada tiap-tiap bulan Ramadhan akan mengedarkan Dana seruan Ramadhan iaitu memohon sumbangan daripada orang ramai(Islam) untuk membantu menjayakan aktiviti-aktivitiinya. (lihat lampiran 5)

Di samping itu Pihak Outreach juga dalam menambahkan sumber-sumber kewangannya telah menjual berbagai-bagai jenis jualan seperti yang berbentuk makanan, pakaian, poster-poster yang bercorak Islam dan sebagainya semasa Sunday Programme pada tiap-tiap hari Ahad.

Selain dari masalah-masalah kewangan yang terpaksa dihadapi oleh Pihak Outreach, ia juga terpaksa menghadapi masalah kekurangan tenaga pendidik yang dapat menguasai berbagai-bagai bahasa seperti tidak sahaja fasih dalam bertutur Inggeris malahan ia juga fasih dalam bahasa lain seperti Bahasa Cina dan Tamil.

Meryedari masalah kekurangan ini Pihak Outreach dengan inisiatifnya sendiri melatih kader-kader da'wah bagi menambahkan tenaga pendakwah dari masa ke semasa.

Mansaka masalah lain yang terpaksa dihadapi oleh Pihak Outreach ialah tanggapan masyarakat terhadap aktiviti yang dijalankan. Tanggapan masyarakat ini bukan sahaja datangnya dari masyarakat yang bukan Islam, malahan ianya juga datang dari masyarakat Islam sendiri. Pada pendapat mereka Islamic Outreach telah menyebarkan Islam dengan menyeleweng. Ini adalah kerana mereka melihat di Islamic Outreach terutama ~~sesama~~ program hari Ahad dijalankan kelihatan pergaulan di antara lelaki dan wanitanya agak bebas. Tambahan pula dari sudut pakaian , yang wanitanya ada yang tidak lengkap bermakai turut meng kepala. Keadaan inilah yang menyebabkan mereka melemparkan tuduhan kepada Islamic Outreach sebagai badan da'wah yang menyeleweng dari lundasen Islam.

Tanggapan masyarakat bukan Islam ialah seperti dari ketua-ketua agama seperti Kristian, Hindu dan sebagainya. Mereka ini menampakkan rasa kurang senang di atas segala aktiviti yang dijalankan oleh Islamic Outreach terutama program untuk memperkenalkan Islam kepada bukan Islam.

Dalam hal ini ada di antara paderi-paderi yang mengikuti perkelas yang diadakan pada hari Ahad semata-mata untuk mengetahui apa-apa yang dijalankan oleh Pihak Outreach untuk benda'wah kepada para orang yang dijalankan oleh Pihak Outreach untuk benda'wah kepada

perolehan bukan Islam. Di samping masalah-masalah yang telah disebut¹ di atas, Pihak Outreach juga merasakan masalah-masalah lain, dan ketika-ketika secalipun di atas merupakan masalah pokok yang terwujud dihadapi oleh Pihak Outreach ini.

F. Perancangan masa depan Islamic Outreach ABIM.

Beberapa perancangan masa depan yang telah pun di pernetujuji ialah kelas lanjutan, perpustakaan, kursus koresponden, Information centre dan aktiviti sosial.

←
Kelas lanjutan ini akan dibuat untuk mendedahkan peserta kepada beberapa subjek dengan lebih mendalam lagi. Perpustakaan pula dianggap penting sebagai tempat rujukan kepada peserta-peserta Islamic Outreach ini. Pada tahap ini Pihak Outreach sedang menjalankan proses 'inventory' (pembaharuan) dan 'cataloging' kepada buku-buku yang diterima. Islamic Outreach mengalu-alukan sebarang sumbangan buku-buku kepada perpustakaan ini.

Kursus koresponden pula adalah satu pendekatan pengajaran jauh yang kian popular masa kini. Ia bersesuaian dengan suasana kehidupan masyarakat kita kini terutamanya yang duduk di bandar-bandar besar yang tidak punya masa untuk menghadiri kelas-kelas, semuanya masih punya keinginan untuk mempelajari sesuatu mengenai Islam. Di samping itu juga ada kalangan yang merasakan keberatan untuk meng

¹ Temubual dengan Encik Aziz Azimullah, Timbalan Pengurus Islamik Outreach ABIM, Pejabat Islamic Outreach pada 16hb.Julai 1989, - 1. tengah hari.

budiri kelas kerana kekurangan yang ada pada diri mereka, dan ingin terus belajar secara berpendirian tanpa diketahui oleh orang lain . Jadi pelajaran begini adalah suai untuk didekati dengan pendekatan pengajaran jarak jauh ini. Cuma yang harus diberikan perhatian ialah dari segi isi pelajaran yang disediakan tidak terlalu panjang dan boleh menarik minat mereka untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi .

Selain dari pelajaran yang berbentuk tulisan, Pihak Islamic Outreach juga mengadakan pelajaran dalam bentuk audio video. Aktiviti sosial juga memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan Islamic Outreach. Aktiviti beginilah sahaja yang akan meletakkan Islamic Outreach dalam suasana berdampingan dengan masyarakat. Selama ini Gerakan Islam tidak banyak yang sanggup melawat pasakit di hospital, kanak-kanak cacat, anak yatim, penjara dan sebagainya.

Satu lagi usaha ke arah mempercepatkan perkembangan daerah Islam kepada yang belum Islam ialah dengan mengadakan 'Islamic Information Centre' di terusan tengah bandar Kuala Lumpur. Pusat ini adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan untuk mengadakan program selepas waktu bekerja dan malam. Pusat ini akan menjadi satu pusat sumber yang terbuka kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk mengkaji Islam. Di masa yang sama juga khidmat kaunseling dan kelas serta tawangan filem akan diadakan di sini.

Pihak Outreach juga berhasrat untuk meriuhukkan cawangan-cawangan Islamic Outreach ke seluruh negara Malaysia. Setakat ini cawan-

ngan Islamic Outreach AIM ini telah ditubuhkan di Pulau Pinang, Selangor dan Kuala Lumpur. Cara dan pendekatan yang diambil oleh cawangan Islamic Outreach ini adalah sama dengan yang digunakan oleh Islamic Outreach di Kuala Lumpur.